

Kedah juga berpotensi berlaku tanah runtuh

ALOR SETAR 20 Dis. - Selepas di-klasifikasikan oleh pakar alam sekitar sebagai negeri berisiko tinggi dilanda ancaman bencana alam khususnya banjir lumpur dalam skala yang besar, Kedah juga berpotensi untuk terjadinya tanah runtuh.

Punca kepada potensi tersebut tidak lain dan tidak bukan adalah disebabkan kerakusan pembalakan di kawasan tanah tinggi yang bercerun dan ditambah pula dengan aktiviti perlombongan serta korek pasir juga di kawasan berbukit.

Pakar tanah runtuh, Prof. Dr. Roslan Zainal Abidin ketika dihubungi berkata, hubungan antara aktiviti pembalakan di kawasan tanah tinggi dengan bencana tanah runtuh cukup signifikan apatah lagi jika kadar hujan tinggi.

"Kajian struktur tanah di Malaysia mendapati kawasan bercerun yang terdedah berpotensi besar berlaku tanah runtuh jika hujan turun pada kadar enam hingga 535 milimeter dalam tempoh tiga hingga tujuh hari.

“Lebih luas cerun itu terdedah lebih tinggi potensi risiko dan ia signifikan dengan aktiviti pembalakan. Jika melihat kepada apa yang berlaku di Kedah yang menyaksikan hutan digondol sebegitu rupa saya setuju ia berisiko

ROSLAN ZAINAL ABIDIN
Pakar tanah runtuh

“Lebih luas cerun itu terdedah lebih tinggi potensi risiko dan ia signifikan dengan aktiviti pembalakan. Jika melihat kepada apa yang berlaku di Kedah yang menyaksikan hutan digondol sebegitu rupa saya setuju ia berisiko,” katanya.

Beliau yang kini menjawat jawatan Timbalan Naib Canselor Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (IUKL) menambah, risiko berlakunya tanah runtuh akibat pembalakan akan bertambah tinggi jika kawasan bercerun itu berpasir.

Ini kerana jelas beliau, kawasan tanah berpasir mempunyai kadar

cengkaman yang longgar dan jika terdedah kepada air larian permukaan, hakisan tanah akan berlaku sehingga membawa kepada tanah runtuh.

“Sebab itu dalam setiap rancangan tebus guna tanah, semua pihak perlu mengambil kira risiko-risiko ini dan bukan mengejar keuntungan sahaja kerana apabila berlaku bencana, ia tidak mengenal mangsa,” katanya.

Pandangan itu turut dipersetujui oleh pakar air bawah tanah, Dr. Azuhan Mohamed kerana katanya, sebarang bencana alam yang berlaku adalah berpunca daripada ke-

lalaian manusia dalam memelihara alam sekitar.

Jelasnya, dalam kes pembalakan di kawasan tadahan air di Gunung Inas, Pedu dan Jeniang umpamanya, pihak yang ghairah mahu meraih keuntungan daripada hasil balak langsung tidak memikirkan risiko bencana.

“Saya sendiri terkejut dan tidak faham bagaimana balak di kawasan tadahan air seperti di Pedu boleh ditebang sehingga begitu dekat dengan Tasik Pedu. Sedangkan tasik tersebut membekalkan air untuk penduduk di Kedah.

“Sudah tentu dengan kemusnahan dan jarak sebegitu akan berlaku pencemaran lumpur dan sisa balak ke dalam tasik. Jika ditanam pokok buah-buahan pencemaran sisa baja dan racun pula akan berlaku,” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan kepada pihak berwajib di Kedah agar melakukan langkah mitigasi bagi mengelakkan pencemaran akibat kegiatan pembalakan di kawasan tadahan air di Pedu mengalir ke dalam tasik.

